

04 JUL 2003

Putin-Lawatan/I

LAWATAN VLADIMIR PUTIN KE MALAYSIA CATAT SEJARAH PENTING

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Lawatan rasmi Presiden Persekutuan Rusia, Vladimir V. Putin ke Malaysia Selasa ini mencatat sejarah sebagai kunjungan pertama presiden negara kuasa besar itu ke negara ini.

Dalam kenyataan di sini hari ini, Wisma Putra menyatakan lawatan Putin adalah atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamallulail, selain membalas kunjungan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Rusia pada Mac tahun lepas.

Kenyataan itu juga menyebut bahawa Malaysia merupakan satu-satunya negara yang akan dilawati oleh Putin dalam kunjungannya ke rantau ini, dan sekali gus mencerminkan sikap Rusia yang amat menghargai hubungannya dengan Malaysia.

Lawatan Putin ke negara ini juga akan diiringi satu rombongan rasmi yang dianggotai para menteri, timbalan menteri, pegawai kanan dan ahli perniagaan negaranya.

Semasa berada di negara ini, Putin dijangka mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir mengenai kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara serta pelbagai isu antarabangsa termasuk yang mempunyai kaitan dengan Iraq, Asia Barat dan Asia Tenggara. Beliau juga dijangka merasmikan penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia-Rusia.

Beliau juga akan diraikan dalam satu majlis jamuan oleh yang di-Pertuan Agong.

Menurut kenyataan itu lagi, semasa berada di Malaysia, Putin dijadualkan menandatangani tiga perjanjian iaitu mengenai kerjasama dalam bidang sains dan teknologi, kerjasama dalam bidang teknologi komunikasi maklumat dan kontrak bagi membekal dan menghantar pesawat Sukhoi SU-30 MKM, kelengkapan sokongan lojistik dan perkhidmatan bersepadu kepada Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Sejak terjalinnya hubungan antara kedua-dua negara 35 tahun lepas, Malaysia dan Rusia bekerjasama rapat dalam pelbagai bidang termasuk pertahanan, perdagangan, teknologi maklumat, pendidikan, industri aeroangkasa dan penerbangan, bioperubatan, linguistik dan kebudayaan.

Hasil daripada kerjasama rapat antara kedua-dua negara dalam bidang pendidikan, kira-kira 400 pelajar Malaysia kini melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang di universiti Rusia.

Dalam bidang perdagangan pula, jumlah urus niaga antara kedua-dua negara berjumlah kira-kira RM1,347.0 juta, tahun lepas.

Kunjungan Putin ke negara ini dijangka merapatkan lagi hubungan yang sudah sedia terjalin antara Malaysia dan Rusia.

-- BERNAMA

SNS RV SP LAT